



Perkembangan Kumpulan Muzik Nobat Nafiri, Melaka

Nobat Nafiri Music Group Development, Melaka

Muhamad Syukor Ibrahim*, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah

*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.*

*Corresponding author: P144806@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.24.2025>

Abstract

The objective of this study is to explain the development of nobat nafiri music that previously developed in Melaka. This study was conducted with an ethnographic approach. Fieldwork, observation and focused interviews to obtain raw data. This focused interview method refers to an authoritative and authoritative individual with the necessary data requirements. The data obtained from the field study will be screened first by using thematic analysis and close reading techniques. The screening of these two data will produce the correct data and suitable for this study. The results found that the development of nobat nafiri music is still continuing with the involvement of the local community who are trying to continue and maintain it. The results of this study can have an impact on the local community regarding the continued development of the nobat nafiri music ensemble. This study is expected to make a meaningful contribution to the vocabulary of knowledge and the development of traditional nobat nafiri music itself.

Keywords: *customs, Malacca, Nobat, palace, the people*

Abstrak

Objektif kajian ini untuk menjelaskan mengenai perkembangan muzik nobat nafiri yang sebelum ini berkembang di Melaka. Kajian ini dijalankan dengan pendekatan etnografi. Kerja lapangan, pemerhatian dan temu bual berfokus untuk memperolehi data mentah. Kaedah temu bual berfokus ini merujuk kepada individu yang berautoriti dan berwibawa dengan keperluan data yang diperlukan. Data-data yang diperolehi daripada kajian lapangan akan disaring terlebih dahulu dengan menggunakan teknik analisis tematik dan teknik bacaan rapi. Penyaringan kedua-dua data ini akan menghasilkan data yang betul dan sesuai dengan kajian ini. Hasil dapatan mendapati perkembangan muzik nobat nafiri masih diteruskan dengan penglibatan masyarakat setempat yang berusaha meneruskan dan mengekalkannya. Hasil kajian ini dapat memberi impak kepada komuniti tempatan mengenai penerusan perkembangan ensembel muzik nobat nafiri. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada kosa ilmu pengetahuan dan perkembangan muzik nobat nafiri tradisional itu sendiri.

Kata Kunci: *adat, istana, Melaka, Nobat, rakyat*

Pengenalan

Budaya persembahan Melayu telah dipengaruhi oleh pelbagai budaya di dunia, termasuklah budaya dari India, Arab dan juga dari kalangan budaya yang lain di Nusantara. Pengaruh ini datang sekali dengan unsur-unsur agama seperti agama Hindu, Buddha dan Islam. Tradisi kesenian yang dibawa dari luar ke Semenanjung Melayu mengalami proses difusi, asimilasi dan akulturasi (*acculturation*) dengan unsur-unsur budaya tempatan agar mereka dapat diterima oleh masyarakat lokal. Proses ini melibatkan interaksi antara budaya dalam pembentukan tradisi-tradisi persembahan Melayu yang begitu majmuk



dan unik. Oleh itu telah berkembang muzik di persada istana yang menjadi tumpuan para individu yang berbakat di kumpul untuk mempelajari seni itu dengan naungan istana. Muzik istana berkaitan rapat dengan sultan, keluarga dan bangsawan. Muzik ini lebih bersifat untuk memberi hiburan kepada sultan dan kerabat diraja dengan iringan bunyian ensembel muzik yang kompleks dan lengkap. Muzik yang dihasilkan untuk mengiringi lagu-lagu dan tarian dipersembahkan hadapan sultan dan kerabat diraja. Manakala, muzik rakyat lebih dinikmati oleh rakyat yang mendiami di persekitaran kawasan istana. Keperluan muzik adalah bersifat sederhana yang menggunakan ensemble muzik yang diperolehi kawasan sekitar untuk mengisi masa lapang dan rehat.

Namun, keperluan muzik nobat dalam istana adalah sangat penting kerana menjadi kekuatan dan kelebihan kedudukan seseorang untuk pengesahan pentabalan sultan dan penghormatan mangkat sesorang sultan. Muzik nobat dipercayai mempunyai pengaruh dan kuasa semangat yang mendiami dapat memberi perlindungan kekuasaan seorang sultan (Raja Iskandar, 2010). Nobat yang menjadi simbol kedaulatan raja-raja Melayu telah dimainkan dari zaman kegemilangan kesultanan Melaka sehingga sekarang. Selain hanya boleh dimainkan oleh pemuzik-pemuzik dari golongan (dan keluarga) tertentu sahaja, alat-alat Nobat ini disimpan di tempat-tempat yang khas dan penghormatan yang diberikan adalah sama dengan apa yang diberikan pada raja (Ku Zam Zam, 1995). Telah berabad-abad nobat dijadikan simbol utama kedaulatan serta menjadi alat kebesaran sultan-sultan Melayu di Sumatera dan Semenanjung Malaysia (ataupun Tanah Melayu). Nobat yang dimiliki oleh sultan-sultan di barat dan utara Sumatera dan Tanah Melayu pada asasnya mempunyai intrumentasi yang serupa. Dalam pasca-kolonial Indonesia (selepas tahun 1945), raja-raja Melayu di Sumatera kehilangan kedaulatan mereka dan persembahan nobat telah merosot. Malaysia pula mengamalkan sistem beraja bergilir, di mana tradisi nobat masih dikekalkan (Kartomi, 1997:21). Oleh itu, penulisan ini memberi penekanan terhadap penglibatan komuniti dalam usaha untuk memulihara kumpul muzik nobat nafari di Melaka.

Perkembangan muzik nobat bermula pada zaman kesultanan melayu Melaka dengan pengenalan ensembee nobat sebagai alat utama dalam pentabalan sultan dan kemangkatan sultan (Raja Nor Sheela Raja Aziddin, 1997). Muzik nobat di Tanah Melayu telah menjadi begitu formal sekali, hanya dimainkan untuk mengiringi istiadat diraja dan upacara keagamaan tertentu (Mohd Ghouse Nasuruddin, 1991). Istiadat-istiadat diraja yang diiringi oleh muzik nobat ialah istiadat pertabalan, hari keputeraan Sultan, perkahwinan diraja, istiadat berkhatahan diraja, hari ketika kemangkatan Sultan dan Raja Perempuan, istiadat melantik Pemangku Sultan dan upacara sambutan diraja. Selain dari pada istiadat rasmi, Nobat Diraja Perak juga dimainkan untuk menanda masa atau hari seperti : 1) pada Aidilfitri (Raya Puasa) dan Aidiladha (Raya Haji), 2) sejam sebelum subuh, 3) selepas subuh dan bertembung dengan matahari terbit, 4) sebelum Maghrib, 5) sebelum Isyak, dan, 6) pada pagi hari Jumaat nobat dan sebagainya (Mohd Ghouse Nasuruddin, 1991). Keperluan muzik nobat dalam pentabalan sultan adalah satu amat penting dalam pengesahan sebagai raja berdaulat. Bunyian ensembel muzik nobat berkumandang menggambarkan kekuasaan, kebesaran dan keagungan seorang sultan dalam pemerintahan. Begitu juga, anak-anak raja melayu terutamanya Raja Muda perlu menjaga dan menyimpan ensembel muzik nobat sebagai lambang kepada pentabalan sebagai sultan yang baharu (Raja Iskandar, 2010). Namun, tradisi muzik nobat di Melaka telah lenyap akibat berlaku bencana peperangan sehingga muzik nobat di bawa ke Negeri Perak dan Kesultanan Melayu Riau.

Walaupun situasi sedemikian, muzik nobat masih ada dan menjadi pemilikan muzik rakyat. Begitu juga, muzik nobat ini telah beralih fungsi sakral kepada bentuk hiburan rakyat. Muzik nobat ini mendapat tempat di kalangan masyarakat Melayu di Melaka dengan mengekalkan beberapa ensembel muzik. Sebelum itu, muzik ini di bawa masuk oleh masyarakat Melayu di luar Melaka yang berasal daripada kerajaan Bentan sehingga tersebar semula ke Melaka. Muzik Nobat Nafari telah dipelopori oleh Haji Mohd Akib bin Salleh pada tahun 1918 (Mohd Marwan Abu Kassim, 2000). Perkembangan



ini menyebabkan muzik Nobat Nafiri menjadi salah satu persembahan seni masyarakat Melayu di Melaka. Pada ketika itu Nobat Nafiri dimainkan ketika berlangsungnya permainan di gelanggang gasing pangkah bertempat di Bukit Serindit, Melaka sebelum bertukar ke tapak baru di Kampung Bukit Gedong di Bukit Cina, Melaka (Mohd Marwan Abu Kassim, 2000). Setelah berlaku pertukaran teraju, pada 6 Jun 1998 kumpulan ini diketuai oleh anak Haji Abu Bakar Mahmud iaitu Khairrel Annuar b. Haji Abu Bakar dan selepas belaiu meninggal dunia pada 2018 kumpulan ini diambil alih oleh sepupu arwah iaitu Mohd. Shah Reza Md. Ghani (Mohd Marwan Abu Kassim, 2000). Fungsi pada masa sekarang telah berubah apabila kerajaan Melaka tidak mempunyai sebuah Kesultanan Melayu. Permainan Nobat Nafiri pada hari ini cuma berperanan untuk mengiringi majlis-majlis perkahwinan, mengiringi persembahan silat dan mengiringi perarakan orang-orang kenamaan untuk majlis-majlis rasmi kerajaan negeri Melaka. Kekuatan kertas kerja ini memberi fokus mengenai muzik nobat bersifat rakyat dan kelemahan pula ia semakin kurang dipraktikkan.

Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif melalui pendekatan etnografi. Kerja lapangan, termasuk temubual adalah kaedah utama kajian ini. Data yang dikumpul dari kerja lapangan meliputi termasuk pemerhatian persembahan, persekitaran, dan interaksi dengan orang ramai. Kaedah temu bual didapati sesuai untuk mengumpul data yang diperlukan. Kajian lapangan dijalankan di Kampung Bukit Gedong, Bukit Cina, Melaka. Teknik temu bual berfokus telah diaplikasi dengan memilih beberapa individu yang berautoriti dalam masyarakat di kampung tersebut seperti penghulu, wakil jawatankuasa surau dan masyarakat setempat. Kajian ini melihat aktiviti penduduk kampung yang terlibat secara langsung dalam kumpulan Nobat Nafiri. Lokasi Kampung Bukit Gedong adalah di Jalan Puteri Hang Li Po, 75100, Melaka. Menurut informan utama selaku ketua kumpulan Nobat Nafiri Melaka, terdapat lebih kurang 80 buah keluarga di Kampung Bukit Gedong, berjumlah sekitar 80 buah keluarga dan lima peratus darinya bukan Melayu. Kebanyakannya bekerja sendiri dan berkhidmat di agensi kerajaan negeri Melaka.

Selain itu data-data juga akan diperolehi dari Jabatan Kebudayaan, Kesenian Negeri (JKKN) Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Persatuan Sejarah dan Warisan Melaka dan Pejabat Pelancongan Negeri Melaka. Aktiviti semasa kajian lapangan, selain menemubual informan, data-data diperolehi melalui pemerhatian persembahan permainan Nobat Nafiri Melaka, temubual dengan pemain-pemain Nobat Nafiri dan penggiat-penggiat seni persembahan di sekitar Melaka. Pengumpulan data ini juga disokong dengan bahan sekunder yang diperolehi daripada perpustakaan seperti kajian literatur di perpustakaan negeri Melaka beserta kajian di muzium-muzium di sekitar Bandar Hilir Melaka. Muzium yang dilawati ialah Muzium Kesultanan Melayu Melaka, Muzium Sejarah dan Ethnografi, Muzium Sastera, Galeri Laksamana Cheng Ho, Muzium Dunia Melayu Dunia Islam dan Muzium Pendidikan.

Kajian Lepas

Pada umumnya kita boleh menentukan muzik di dunia ini sebagai muzik klasik (biasanya di Asia Tenggara muzik ini dihubungkan dengan budaya di istana), muzik rakyat, muzik seni dan muzik popular. Tetapi, kegunaan istilah-istilah ini (serta kategori lain) sebenarnya bergantung kepada keadaan sosial, ekonomi, politik dan jenis budaya di mana seni muzik diperkembangkan. Menurut Matusky dan Tan, (2012) Muzik klasik di Malaysia biasanya melibatkan muzik yang berkait dengan kawasan bandar atau istana. Dalam muzik klasik, asas sejarah dan teori muzik agak kukuh dan biasanya dipelajari. Sekumpulan lagu-lagu yang tertentu dikenali sebagai repertoire dalam bentuk (genre) muzik yang



tertentu. Pemain-pemain dilatih mengikut cara yang tersusun, dan proses latihan yang teratur dinaungi oleh golongan istana atau oleh agensi-agensi kerajaan negeri. Idea terhadap profesionalisme diketahui di antara pemain-pemain itu. Tradisi muzik klasik itu biasanya diketahui oleh sebahagian sahaja daripada komuniti yang tertentu. Satu fenomena yang menarik juga ialah muzik rakyat merupakan kategori muzik yang memberi inspirasi dan kerap kali menjadi dasar kepada muzik klasik itu yang diperkembangkan dalam keadaan bandar ataupun dalam istana

Muzik rakyat biasanya terdapat dalam masyarakat desa dan komuniti petani yang kenal huruf mahupun buta huruf, berbagai-bagai sistem abjad, dan sistem penulisan, termasuklah sistem notasi muzik. Latihan muzik diadakan secara bersahaja dan pengetahuan mengenai teori muzik biasanya tidak dapat dikesan di antara pemain-pemain. Proses latihan dalam cara memainkan alat-alat muzik, proses itu dilaksanakan dengan menggunakan cara atau kaedah peniruan (*rote method*), tetapi idea profesionalisme boleh diwujudkan dalam tradisi muzik rakyat. Akan tetapi, asas sejarah dan teori sistem muzik itu tidak diketahui dengan tepat dan repertoire muzik untuk satu-satu genre muzik biasanya tidak ditentukan. Muzik rakyat merupakan espresi masyarakat biasa, dan muzik ini tidak mudah berubah-ubah apabila dibandingkan dengan jenis muzik lain (contohnya, muzik popular hanya boleh bertahan sekejap sahaja). Oleh sebab kewujudan muzik rakyat ini berdasarkan persetujuan komuniti sepenuhnya, dipercayai bahawa muzik rakyat itu mencerminkan dengan tepat nilai dasar dalam kebudayaan di mana muzik itu wujud.

Nobat yang menjadi simbol kedaulatan raja-raja Melayu telah dimainkan dari zaman kegemilangan kesultanan Melaka sehingga sekarang. Ensemble Nobat menjadi salah satu mekanisme untuk meninggikan status raja-raja Melayu selain dari seni arca, seni binaan, persada keris, tombak dan pakaian. Selain daripada daulat (kuasa suci) yang ada pada raja-raja Melayu, ensemble Nobat ini juga mempunyai daulat kerana ia hakmilik raja dan ia dianggap sebagai penyimpan kuasa daulat raja serta mempunyai kuasa-kuasa magis. Bagi masyarakat Melayu, alat-alat nobat ini merupakan keramat. Mereka mengamalkan upacara membayar nazar dan mendapatkan air jampi pada alat-alat nobat ini untuk air penawar untuk mengubati pesakit. Selain hanya boleh dimainkan oleh pemuzik-pemuzik dari golongan (dan keluarga) tertentu sahaja, alat-alat Nobat ini disimpan di tempat-tempat yang khas dan penghormatan yang diberikan adalah sama dengan apa yang diberikan pada raja (1994, Ku Zam Zam Ku Idris).

Dalam artikel *The Royal Nobat of Perak*, Raja Iskandar Raja Halid (2010) mengupas tentang pentingnya keberadaan ensemble ini di dalam sistem Diraja Negeri Perak. Nobat Diraja Perak ini melambangkan simbol kebesaran sistem diraja. Ia merupakan kemestian apabila upacara rasmi Diraja Perak dilangsungkan. Persembahan nobat telah banyak mengalami evolusi seperti mengugurkan elemen ritual yang bertentangan dengan ajaran Islam. Pemain nobat di Negeri Perak yang digelar Orang Kalur dianggap sebahagian dari kerabat Diraja. Selain mempunyai daulat Nobat Diraja Perak juga dianggap sebagai pelindung kepada Sultan dan rakyat jelata. Ini membuktikan ensemble Nobat Diraja ini bukan sahaja sebarang ensemble muzik tetapi sebagai satu simbol kedaulatan Diraja yang tetap berlandaskan pegangan agama Islam. (Raja Iskandar Raja Halid, 2010).

Telah berabad-abad nobat dijadikan simbol utama kedaulatan serta menjadi alat kebesaran sultan-sultan Melayu di Sumatera dan Semenanjung Malaysia (ataupun Tanah Melayu). Nobat yang dimiliki oleh sultan-sultan di barat dan utara Sumatera dan Tanah Melayu pada asasnya mempunyai instrumentasi yang serupa. Dalam pasca-kolonial Indonesia (selepas tahun 1945), raja-raja Melayu di Sumatera kehilangan kedaulatan mereka dan persembahan nobat telah merosot. Malaysia pula mengamalkan sistem beraja bergilir, di mana tradisi nobat masih dikekalkan (Kartomi, 1997:21).

Deskripsi yang paling komprehensif mengenai tradisi seni Melayu di Semenanjung Malaysia oleh Matusky dan Tan (1997), walaupun penulisan mereka tidak terhad kepada budaya Melayu. Apa yang jelas adalah tradisi-tradisi “Melayu” yang terdapat di Semenanjung Malaysia bukan sahaja



majmuk tetapi memberi satu gambaran persaingan antara pengaruh-pengaruh budaya utama di Alam Melayu. Ambil wayang kulit sebagai contoh, terdapat dua sumber pengaruh berbeza yang jelas, iaitu Wayang Kulit Jawa berasal daripada pendatang Jawa yang berduduk di Negeri Johor, manakala Wayang Kulit Melayu dan juga Wayang Kulit Kelantan dimainkan di bawah Kelantan, Kedah dan Patani yang merupakan kerajaan-kerajaan di utara Semenanjung.

Begitu juga dengan Mek Mulung, Menora, Tarinai yang merupakan tradisi kerajaan utara. Sementara itu, tarian Randai dan ensembel caklempung pula merupakan tradisi komuniti Minangkabau baik di Sumatra mahupun di Semenanjung. Keadaan persaingan budaya masih berlaku pada zaman moden. Dokumentasi Tan Sooi Beng (1993) terhadap pemulihan bangsawan oleh kerajaan Malaysia dalam tahun 1970an, melaporkan bahawa elemen-elemen muzik budaya “lain” dikeluarkan, namun elemen Jawa tetap dikekalkan. Ini menunjukkan adanya persaingan budaya Jawa dan Melayu yang berturutan selama ini, dan juga menunjukkan sukarnya untuk mengenalpasti budaya Melayu secara eksklusif.

Walaupun Mohd. Ghouse Nasaruddin (1991) berpendapat bahawa budaya Melayu “berjaya” mewujudkan identitinya yang tersendiri daripada pengaruh asing yang diterima, masalahnya adalah pada definisi “Melayu” itu sendiri. Budaya “Melayu” sukar dibincangkan mengikut sempadan negara moden hari ini, dan mungkin adalah lebih sesuai jika perbincangan difokuskan kepada kawasan tertentu seperti Johor-Riau, Sumatra, dan sebagainya. Pada terbitan yang lain pula, Mohd. Ghouse Nasaruddin (1995) melaporkan kemerosotan seni persembahan istana di mana tradisi bertukar fungsi dijadikan hiburan rakyat, ekoran daripada peralihan kuasa daripada Sultan kepada kolonial British.

Ini memberi ide bahawa Nobat Nafiri mungkin menghadapi akibat yang serupa, namun hakikatnya perlu dikaji dengan lebih lanjut. Daripada itu, dikatakan seni persembahan Melayu mempunyai makna yang mendalam mengenai sikap dan tingkah laku masyarakat Melayu yang telah ditetapkan oleh adat dan agama, iaitu Islam. Salah satu falsafah Melayu berkenaan dengan amalan seni adalah kesederhanaan. Dasar tidak riak atau lagak berlebihan terserlah di dalam pergerakan tarian yang sederhana dan ini membezakan tarian zapin dengan mana-mana kesenian tari bangsa lain (Mohd. Anis Mohd Nor 1993). Dalam permainan muzik zapin pula, pemain-pemain muzik yang bermain khususnya segmen Taksim, tidak digalakkan untuk terlalu ghairah menampilkan keluarbiasaannya bermain. Ini kerana tidak terdapat konsep menonjolkan kemahiran individu. Falsafah kesederhanaan ini menolak berlakunya ketaksuban pemain atau riak dengan anugerah yang diberikan Tuhan (Mohd. Anis Mohd Nor 1993).

Geoffrey Benjamin (2004) memberi satu teori yang amat menarik pada Symposium on Thinking Malayness yang berlangsung di Tokyo pada 2004. Kertas ini merupakan satu-satunya yang membincangkan ciri ke-melayu-an dalam seni persembahan. Geoffery menggambarkan budaya persembahan Melayu sebagai sesuatu yang “transitif”, iaitu sesuatu yang menyerap elemen baru dan memperkembangkannya supaya ia boleh dijadikan budaya yang strategik untuk diintegrasikan dalam pembentukan bandar. Ini dibandingkan dengan Orang Asli in Semenanjung yang berpendirian sebaliknya, iaitu ke arah mengekalkan amalan sedia ada dan memilih supaya komuniti mereka dipisahkan daripada perkembangan dan perubahan sosial di bandar.

Geoffrey memberi contoh seperti a) perubahan nada (modulation) ke subdominan yang sering dapat di muzik ronggeng, dan juga b) pergerakan penari ke depan dan belakang semasa menari, sebagai ciri-ciri muzik Melayu yang transitif atau bersifat “melalu”. Ulasan Geoffrey ini belum dapat sambutan dan bantahan dari pengkaji lain. Namun Matusky dan Tan (1997) pernah menulis bahawa ciri-ciri muzik Melayu adalah eklektik (electic), dan perkataan yang sama juga disebut oleh Geoffrey. Di bidang pengajian Melayu secara amnya, sinkretik merupakan satu ciri yang telah diterima ramai. Kesimpulannya, muzik “Melayu” memaparkan ciri-ciri 1) eklektik, transitif, dan sinkretik, 2) yang tidak boleh dihadkan di Semenanjung sahaja, dan, 3) melibatkan persaingan dengan budaya (identiti)



utama yang lain. Namun interpretasi ini perlu diteliti semula apabila membincangkan satu-satunya tradisi yang bersifat eksklusif di budaya Melayu, iaitu nobat.

Kajian oleh Daeng Haliza (2023), *Penglibatan Komuniti Dalam Pemuliharaan Warisan Di Lembah Lenggong, Perak* bertujuan untuk membincangkan tentang penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan warisan di Lembah Lenggong, Perak. Permasalahan utama yang diketengahkan adalah mengenai cara untuk memastikan warisan yang ada di Lembah Lenggong dapat dipertahankan dan dipelihara oleh komuniti setempat. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis tahap penglibatan komuniti setempat dalam usaha pemuliharaan warisan di kawasan Lembah Lenggong. Kajian ini juga bertujuan untuk meneroka peranan proaktif yang dimainkan oleh komuniti setempat dalam menyokong usaha pihak bertanggungjawab dalam melestarikan warisan budaya di kawasan tersebut. Hasil kajian mendapati terhadap empat warisan tidak ketara yang menjadi identiti bagi daerah Lembah Lenggong iaitu, makanan warisan kebebe, cendol sagu rumbia, dialek melayu Patani dan pembuatan atap rumbia menunjukkan bahawa komuniti setempat di Lembah Lenggong proaktif dalam melestarikan warisan mereka. Penglibatan mereka bukan sahaja membantu dalam pemuliharaan warisan tetapi juga berpotensi memberi kesan positif kepada perkembangan ekonomi dan sosial setempat. Sumbangan utama kajian ini adalah dalam menyediakan pandangan yang komprehensif mengenai penglibatan komuniti dalam pemuliharaan warisan di Lembah Lenggong.

Dapatan

Hasil dari kajian ini dapat menyumbang pada pemahaman lebih mendalam tentang pentingnya partisipasi komuniti dalam memelihara tradisi budaya dan kesenian. Ini penting untuk memastikan bahawa tradisi seperti Nobat Nafiri Melaka tetap relevan dan dihargai oleh generasi mendatang. Hasil tinjauan mendapati, penyertaan komuniti setempat adalah aktif disebabkan oleh mereka mempunyai institusi pentadbiran kampung yang sistematik. Mereka mempunyai barisan pemimpin kampung dan pemimpin komuniti yang komited dalam mempertahankan warisan mereka. Kerjasama dari pihak pemimpin kampung contohnya iaitu penghulu di Bukit Gedong, Melaka yang menawarkan halaman rumah untuk dijadikan tempat permainan nobat Nafiri untuk mengiringi permainan gasing ini telah menunjukkan komitmen pemimpin kampung untuk terus memelihara ensembel ini. Lokasi asal persembahan nobat Nafiri untuk mengiringi permainan gasing (pangkah, berembang, gantung atau bidada) ini ialah di perkarangan rumah Majid bin Wahab di Bukit Serindit, Melaka. Kawasan rumahnya yang luas dan boleh menampung jumlah peserta dan penonton yang ramai menyebabkan rumahnya sering menjadi tumpuan kaki-kaki gasing. Apabila Majid berpindah ke tapak baru rumahnya di Durian Daun Dalam, Melaka (kini rumah itu dihuni oleh anaknya Tuan Haji Yaakub bin Majid), seorang penghulu yang bernama Majid bin Talib (kini Allahyarham) membawa permainan gasing ini ke tapak baru iaitu di Bukit Gedong. (Mohd Marwan Abu Kassim, 2000).

Pada sekitar tahun 1970-an ketika kumpulan ini diterajui oleh Allahyarham Tuan Haji Arshad bin Latif, tertubuhnya satu persatuan yang menaungi gerakan Kumpulan ini dimana ia dipengerusikan oleh sidang Pengkalan Rama Pantai iaitu Datuk Sidang Sharif. (Mohd Marwan Abu Kassim, 2000). Manakala arwah datuk Encik Khairul Annuar Hj Abu Bakar merupakan seorang pemimpin kampung yang peranannya dinamakan Sidang. Beliau mempunyai dua peranan iaitu sebagai Sidang Tindakan untuk menjaga kebajikan dan keamanan penduduk kampung dan peranan kedua arwah ialah sebagai Sidang Adat yang mengajar ilmu silat dan permainan Nobat Nafiri. (Mohd Marwan Abu Kassim, 2000). Selain dari pemimpin kampung, penduduk kampung juga memberi kerjasama dalam usaha memelihara kumpulan nobat ini. Untuk aktiviti latihan selain bertempat di rumah informan, Encik Khairul Haji Abu Bakar, kumpulan ini juga membuat latihan di Solok Gaung, Duku, di Masjid Tanah, Melaka. Lokasi ini dipunyai oleh seorang sahabat informan, Zainudin Kamis yang meminati



persembahan Nobat Nafiri ini. Beliau telah menyediakan satu ruang latihan di kawasan kediaman beliau untuk kumpulan ini membuat latihan (Mohd Marwan Abu Kassim, 2000).

Kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan seperti Kerajaan negeri Melaka dan JKKN Melaka menunjukkan komitmen dengan memberi peluang kepada Kumpulan Nobat Nafiri untuk terlibat program rasmi kerajaan. Begitu juga penyertaan aktif komuniti dalam melestarikan warisan mereka. Dari satu sudut lain pula, hasil tinjauan juga mendapati kerjasama dan hubungan sesama penduduk adalah baik. Kesedaran untuk melindungi aset warisan yang wujud dalam kalangan komuniti setempat terbentuk setelah mereka diberi kerjasama oleh pihak Kerajaan negeri Melaka dan JKKN Melaka mengenainya.

Perbincangan dan Kesimpulan

Masyarakat dan pihak yang berautori di kampung Bukit Gedong, Bukit Cina Melaka mengenali ensembel Nobat Nafiri ini dan mereka menyokong untuk kelestarian persembahan ini. Kajian mendapati terdapat perkongsian dimana komuniti dan pihak berkuasa atau organisasi bekerjasama secara setara dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Hasil dapatan akan menjelaskan mengenai hasil kajian yang sesuai selepas mengalami proses penyaringan yang dilakukan. Oleh itu, hasil dapatan yang diperolehi di boleh dirujuk kepada beberapa tema untuk memudahkan perbincangan dilakukan supaya mencapai objektif dan matlamat. Perbincangan akan dijelaskan secara kritis supaya dapat memberi penjelasan mengenai penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan kumpulan muzik nobat nafiri.

Untuk memastikan kelestarian tradisi nobat Nafiri, penglibatan aktif komuniti adalah kritikal. Diantara beberapa pendekatan dan strategi untuk melibatkan komuniti dalam pemeliharaan tradisi nobat Nafiri ialah seperti program kesedaran dan pendidikan yang mempunyai aktiviti sesi penerangan di sekolah dan komuniti mengenai sejarah dan nilai seni tradisional nobat Nafiri atau bengkel, kelas, dan kursus. Pendekatan lain ialah mengadakan festival dan pameran seperti menganjurkan festival seni, pameran dan acara seni di mana komuniti boleh terlibat sebagai peserta atau penonton dan platform ini membantu menunjukkan kepentingan dan keunikan tradisi nobat Nafiri Melaka. Strategi yang seterusnya ialah pendokumentasian dan pengumpulan sejarah dengan melibatkan komuniti dalam proses pendokumentasian seni dan budaya tradisional serta mengumpulkan dan menyusun sejarah serta pengetahuan tentang seni tradisional masyarakat setempat. Dengan mengaplikasikan konsep-konsep ini, penglibatan komuniti dalam memelihara aktiviti kesenian dan kebudayaan tradisional dapat diperkukuhkan, memastikan warisan budaya ini terus hidup dan berkembang dalam kehidupan seharian masyarakat.

Kajian ini menekankan pentingnya kolaborasi antara komuniti setempat dan pihak berwajib dalam memelihara tradisi Nobat. Melalui sinergi ini, tradisi ini dapat terus dipelihara sebagai bahagian penting dari warisan budaya yang hidup. Kampung Bukit Gedong adalah sebuah tapak pusat aktiviti latihan kumpulan Nobat Nafiri Melaka dan mempunyai sumbangan yang signifikan terhadap pemuliharaan warisan kesenian negeri Melaka tersebut. Bagi memastikan warisan ini dapat dipertahankan, komuniti setempat perlu terus memainkan peranan proaktif dalam menyokong usaha pihak-pihak lain. Hasil analisis tinjauan di lapangan menemukan pelbagai warisan tidak ketara yang menjadi identiti kawasan tersebut. Dari satu sudut, sinergi antara komuniti setempat dan kerajaan dalam pelestarian warisan dilihat telah membuktikan konsep *top-bottom approach* dan *bottom-up approach* sangat penting dalam mempertahankan warisan selain perlindungan dan penguatkuasaan dari segi perundangan.

Peranan komuniti dalam memelihara aktiviti kesenian dan kebudayaan tradisional sangat penting untuk memastikan warisan budaya ini terus hidup dan berkembang iaitu menggunakan media



sosial, radio, dan surat khabar untuk mempromosikan aktiviti seni dan budaya tradisional seperti contoh membuat video pendek tentang proses latihan dan persembahan Nobat Nafiri dan menyebarkannya di platform media sosial. Peranan komuniti seterusnya ialah bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, NGO dan organisasi kebudayaan untuk merancang dan melaksanakan program pemeliharaan budaya. Selain daripada itu komuniti digalakkan memainkan peranan untuk menggunakan kemahiran teknologi sebagai platform pembelajaran dan promosi seperti membangunkan laman web dan mengadakan penstriman langsung atau rakaman persembahan Nobat Nafiri. Dengan memainkan peranan-peranan ini, komuniti dapat memastikan bahawa seni dan budaya tradisional tidak hanya dipelihara tetapi juga terus relevan dan dihargai oleh generasi akan datang.

Penyataan Etika

Pihak pengarang telah membaca, memahami dan mematuhi keperluan etika untuk penerbitan dan mengesahkan bahawa kerja semasa tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.

Penyataan Kredit Penulis

Muhamad Syukor Ibrahim: Penulis Utama dan Penulis Koresponden; Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff: Penulis Bersama; Muammar Ghaddafi Hanafiah: Penulis Bersama.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja.

Rujukan

- Andaya, B.W. (1974). The Installation of the first Sultan of Selangor in 1766. *JMBRAS*, Vol.47, Pt. 1.
- Arnstein, S. (1969). A ladder of citizen participation. *Journal of the American Institute of Planners*, 35(4), 216–224.
- A. Samad Ahmad (1997) *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Mohamad. (1994). *Muzik dan Nyanyian Tradisi Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Chan, C.J. (2001). The Musicking of Malay Folksongs In Ulu Tembeling and Its Applicative Implications in Music Education. Doctoral Dissertation. Osaka University.
- Daeng Haliza (2023), *Penglibatan Komuniti Dalam Pemuliharaan Warisan Di Lembah Lenggong, Perak*; *Jurnal Melayu, UKM Bangi*
- Harun Mat Isa (1977). Nobat Diraja Kedah. Latihan Ilmiah, unpublished, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah (1982). Nobat Perak: Simbol Kebesaran Zaman Berzaman. Dewan Budaya
- Ku Zam Zam Ku Idris (1994). Alat-Alat Muzik Nobat: Satu Analisis Tentang Simbolisme Muzik Dan Daulat Dalam Kesultanan Melayu. Tirai Panggung, *Performing Arts Journal*. pp 1-9.



- Royal Nobat Ensemble of Indragiri in Riau, Sumatra, in Colonial dan Post-Colonial Times. *The Galpin Society Journal*, Vol. 50(Mar., 1997), pp. 3-15
- Linehan, W. (1951) The Nobat and the Orang Kalau of Perak. *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society*, 24, 3 (1951), 60-68.
- Marwan Abu Kassim (2000). Nobat Nafiri: Warisan Kesenian Melaka. Kertas Projek. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Matusky, Patricia. and Tan Sooi Beng. (1997) Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik. Penang & Kuala Lumpur dengan kerjasama Akademi Seni Kebangsaan. The Asian Centre
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusof (2002). Repertoire Rija: Tradisi Persembahan Ritual Masyarakat Cam di Vietnam. Tirai Panggung, *Performing Arts Journal*. 65-85.
- Mohd Ghouse Nasuruddin (1985). Nobat Mengiringi Istana Raja. Dewan Budaya.
- Mohd Azhar Mohamed Ali dan Kadir Arifin (2020) pula mengkaji tentang Penglibatan Awam sebagai Pembuat Keputusan dalam Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan. Akademika, UKM Bangi
- Muhammad Fatchuriza dan Achmad Nurmandi (2014), menulis tentang “Partisipasi Publik Deliberatif Berbasis Website Dalam Perumusan Kebijakan Daerah
- Raja Iskandar Raja Halid (2009). The Nobat of Perak: A Musical Analysis and its Relation to the Ceremonial Structure of the Palace. M.A. Thesis, Universiti Malaysia Sarawak.
- Raja Noor Sheela Raja Aziddin (1987). Nobat Diraja Perak Darul Ridzuan, Latihan Ilmiah, Kajian Senilukis dan Senireka, ITM.